



Tel : 04-2615669
Fax/Tel : 04-2628664
E-mail : secretariat@penangbar.org
Website : www.penangbar.org

No. 4. Green Hall,
1st Floor,
10200 Penang,
Malaysia.

JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG PENANG BAR COMMITTEE

Court Liaison 10/21

25 Mar 2021

To Members of the Penang Bar,

Notice on Maintenance Works at Penang State Courts Buildings from June 2021 until the end of 2022

We wish to draw Members' attention to the following notification dated 24 Mar 2021 from Puan Zaharah Binti Hussain, Director of the Penang Courts:

MAKLUMAN MENGENAI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DI BANGUNAN MAHKAMAH NEGERI PULAU PINANG MULAI BULAN JUN 2021 SEHINGGA AKHIR TAHUN 2022

Assalamualaikum WBT dan Selamat Sejahtera.

Tuan/Puan,

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagai maklumat awal, bermula dari bulan Jun 2021 sehingga akhir tahun 2022, pihak JKR akan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di semua Bangunan Mahkamah di Negeri Pulau Pinang, kecuali Bangunan Annex di Georgetown.

3. Kerja-kerja penyelenggaraan ini akan dijalankan secara berperingkat. Sebagai contoh, kerja-kerja penyelenggaraan di Bangunan Sri Pinang, Georgetown akan dimulakan dari Tingkat 7 dan akan mengambil masa selama 38 hari bagi setiap tingkat.

Begitu juga di Bangunan Kompleks Mahkamah Butterworth di mana kerja-kerja penyelenggaraan akan dimulakan dari tingkat 4 yang akan mengambil masa selama 97 hari bagi setiap tingkat.

Semasa kerja-kerja penyelenggaraan ini dijalankan, Mahkamah -Mahkamah yang terlibat akan ditempatkan di tingkat lain atau di Bangunan lain.

Contohnya, Mahkamah Sesyen Sivil 3, Butterworth akan ditempatkan di Mahkamah Munisipal di Bukit Mertajam manakala, Mahkamah Majistret Sivil Butterworth akan ditempatkan di Mahkamah Munisipal di Butterworth dan akan mula beroperasi di sana mulai 1 Jun 2021.

4. Saya perlu menyatakan bahawa, pihak-pihak yang sedang menduduki Bangunan Mahkamah tersebut perlu mengosongkan tempat yang diduduki semasa kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan di tingkat dan bahagian yang berkenaan.

5. Pihak Mahkamah akan memberikan maklumat yang lebih jelas dan terperinci dari masa ke semasa sepanjang kerja-kerja penyelenggaraan ini dijalankan untuk melancarkan perjalanan kes di Mahkamah.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Zahuss

ZAHARAH BINTI HUSSAIN

Pengarah

Mahkamah Negeri Pulau Pinang

Members are therefore advised to take note of the above notification and be guided accordingly.

Ravi Chandran and Imavathi Subramaniam
Co-Chairpersons
Court Liaison Subcommittee